



**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
BIL. 3 TAHUN 2004**

**PEWUJUDAN UNIT GERAKAN DAYA WAWASAN (GDW)
SECARA PENTADBIRAN DAN DILETAKKAN DIBAWAH
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK**

Kepada : Ketua-ketua Bahagian
 Ketua-ketua Unit
 Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa satu keputusan telah dicapai supaya **Unit Gerakan Daya Wawasan (GDW)** (Bahagian Prasarana, Utiliti dan Ameniti Sosial) diwujudkan secara pentadbiran dan diletakkan di bawah Bahagian Perancangan Strategik berkuatkuasa mula 1 April 2004.

2. Langkah ini diambil bagi memastikan unit dapat berfungsi dengan lebih teratur dan berkesan seterusnya dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

3. Jawatan-jawatan yang digunapakai bagi penubuhan unit ini adalah dengan cara memobilisasikan jawatan-jawatan yang sedia ada di semua bahagian/unit yang telah diluluskan melalui Waran Perjawatan Bil E.22 Tahun 2003. Jawatan-jawatan yang ditumpangkan/disisipkan dan diagihkan semula kepada bahagian/unit GDW seperti di bawah:

Bil	Jawatan	Bil Jawatan	Diambil dari Bahagian
1	PTD, Gred M48	1	Dipinjamkan daripada: Bahagian P
2	PTD, Gred M44	3	Dipinjamkan daripada: Bahagian PD Bahagian ED Bahagian PK
3	Pem. Tadbir (PTO) Gred N17	2	Dipinjamkan daripada: Bahagian PD Bahagian PK
4	Pemb. Tadbir (Kesetiausahaan Gred N17	2	Dipinjamkan daripada: Bahagian PD
5	Pemb. Tadbir Rendah Gred N11	1	Dipinjamkan daripada: Bahagian PD
6	Pemb. Am Rendah Gred N1	1	Dipinjamkan daripada: Bahagian P

4. Sehubungan dengan itu, Carta Organisasi dan Carta Fungsi Unit GDW dan Unit-unit lain di bawah Bahagian Perancangan Strategik adalah seperti di LAMPIRAN 1 dan 1A.

5. Semua Bahagian/Unit diminta memberikan kerjasama yang sewajarnya di dalam usaha penubuhan Unit GDW secara pentadbiran ini.

6. Di atas kerjasama yang diberikan tersebut terlebih dahulu diucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' AZMAN BIN ABDUL RASHID)

Tarikh : 19 Mac 2004